



DAING NASIR IBRAHIM (depan dari kiri) bergambar kenangan selepas menerima sumbangan pokok spesies hutan dalam Program Penanaman Pokok dengan kerjasama Jabatan Perhutanan negeri di Rimbunan Cendekia UMP Kampus Pekan, Pahang, baru-baru ini.

# UMP raih tempat ke-58 dunia kelestarian kampus

(Rabu) 4/01/2017

Alan Akademik m/s 28

Oleh SITI NORIZAT  
SHIKH ABDUL JALIL  
utusanjkt@utusan.com.my

■ PEKAN 3 JAN.

**U**NIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) meraih kedudukan ke-58 terbaik dunia berdasarkan usaha melesetarian kampus dan pengurusan alam sekitar dalam penarafan *UI-GreenMetric World University Ranking 2016* yang diterbitkan baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kedudukan itu menyaksikan UMP melonjak 131 anak tangga

berbanding ke-189 pada 2015.

"Pencapaian ini mencabar pengurusan UMP untuk melipatgandakan usaha bagi memastikan program penghijauan kampus terus memberikan manfaat kepada warga universiti ini terutama dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kesihatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Program Penanaman Pokok dengan kerjasama Jabatan Perhutanan negeri di Rimbunan Cendekia UMP Kampus Pekan, di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama Timbalan Pengarah (Operasi) Perhutanan negeri, Datuk Mohamed Zin Yu-

sop dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyGift UMP, Izwan Hasli Ibrahim yang juga Ketua Pegawai Operasari Petronas ICT Sdn. Bhd.

Kira-kira 100 penuntut UMP menyertai aktiviti penanaman pokok tersebut sebagai meneruskan inisiatif penghijauan alam sekitar menerusi program penghijauan kampus.

Daing Nasir berkata, UMP menghargai sokongan Jabatan Perhutanan negeri yang menyumbangkan sebanyak 200 pokok untuk menjayakan inisiatif penghijauan universiti itu ke arah kampus yang sihat, sejahtera dan melestarikan alam sekitar.

Kata beliau, program penanaman pokok itu juga merupakan

sebahagian daripada inisiatif strategik UMP yang bukan sahaja untuk memenuhi kriteria penilaian UI GreenMetric tetapi lebih utama merupakan sumbangan universiti berkenaan ke arah usaaha penghijauan persekitaran dan pemuliharaan alam sekitar.

"Sehingga kini, UMP melaksanakan lebih 30 projek dan inisiatif penghijauan yang menyaksikan penanaman pelbagai spesies pokok.

"Usaha penghijauan UMP tidak terhad kepada aktiviti penanaman pokok semata-mata tetapi turut melibatkan pengurusan air, sisa buangan, pengangkutan dan pendidikan," katanya.